



Kedah
Malaysia
where it all began

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ قَدْ حَذَّرَ الْمُؤْمِنُونَ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : P.Kw.N.(K)1521 Jld. 3 (12)
Tarikh : 14 Syaaban 1441H
08 April 2020

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL. 2 TAHUN 2020**

**Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan
Mengurus Tahun 2021 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan menyediakan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Jabatan-Negeri Bagi Tahun 2021.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 2 Tahun 2020** yang mengandungi garis panduan bagi penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021 yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan.

3. Kerjasama serta perhatian dari pihak YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan dalam perlaksanaan pekeliling ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NOOR SHAADAH BINTI AHMAD, AMK., BCK.)
KETUA PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN NEGERI (BELANJAWAN)
B.P. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN





Kepada
Semua Pegawai Pengawal
Negeri Kedah Darul Aman

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2021 KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus jabatan-jabatan negeri bagi tahun 2021. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan perbelanjaan disediakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.

2.0 SENARIO EKONOMI

- 2.1 Ekonomi Negara di jangka terkesan dengan Pandemik COVID-19, Pertumbuhan ekonomi global dan negara dijangka menurun dari 4.8 % kepada 3.2% ke 4.2 % pada tahun 2020.
- 2.2 Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Kedah adalah pada kadar 4% setahun pada tahun 2019. Melihat kepada keadaan semasa dan pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka terjejas akibat COVID-19 KDNK negeri juga dijangka menurun pada kadar 3.0 % - 4.0 % tahun 2020.
- 2.3 Pekej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN yang dibentangkan Kerajaan Persekutuan dengan suntikan sejumlah RM 250 Billion dijangkakan dapat membantu ekonomi domestik. Kerajaan Negeri turut memperuntukan sejumlah RM21 Juta bagi maksud yang sama dalam membantu golongan yang terjejas akibat COVID-19 yang tidak secara langsung membantu pemulihran ekonomi.

- 2.4 Disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terdapat program dan aktiviti jabatan pada tahun 2020 telah tertangguh dalam bulan Mac dan April 2020. Pelaksanaan sebahagian program juga perlu dikaji semula pelaksanaannya dengan tempoh yang masih berbaki tahun 2020. Jabatan adalah dibenarkan untuk membuat perancangan semula program dan aktiviti yang tergendala pada tahun 2020 ke tahun 2021.
- 2.5 Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan usaha dalam mengalakkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kos sara hidup, membasmi kemiskinan dan membantu rakyat secara keseluruhannya.

3.0 STRATEGI BAJET 2021

- 3.1 Fokus Bajet 2021 adalah kepada Peningkatan Kutipan Hasil, Mengoptimumkan Perbelanjaan dan Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus.
- 3.2 Dalam memfokuskan kepada peningkatan kutipan hasil, usaha perlu ditingkatkan berpandukan kepada Pelan Tindakan Kutipan Hasil Negeri yang telah dibuat, ianya merangkumi punca hasil Tanah, Daerah, Hutan dan pelbagai. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berharap semua jabatan mengambil tindakan susulan secara terancang dan teratur berdasarkan pelan tindakan yang telah dirangka bagi memastikan sasaran kutipan hasil semasa negeri dapat dicapai dan mengurangkan Tuggakan Hasil.
- 3.3 Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah mengoptimumkan perbelanjaan secara lebih menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan di samping memastikan pelaksanaan program dan projek bagi kesejahteraan rakyat. Beberapa langkah utama termasuk menyusun semula fungsi jabatan; mengecilkan skop serta menamatkan program dan projek yang kurang keutamaan; dan menambahbaik dasar perolehan Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kontrak.
- 3.4 Di samping itu, semua pegawai pengawal juga perlu terus berusaha meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan di semua peringkat bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Penyediaan Bajet Negeri 2021 hendaklah memberi penekanan kepada impak dan keberkesanan program dengan mengambilira dasar semasa kerajaan, keperluan sebenar dan keutamaan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran.

- 3.5 Perkara yang perlu diberi perhatian adalah dengan menyediakan kerangka yang menekankan perbelanjaan yang memberikan value for money, dan meningkatkan akauntabiliti di semua peringkat melalui pemantapan kerangka tadbir urus dengan meluas guna *myportfolio* sebagai radas strategik dalam pengurusan sumber manusia. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan supaya tidak berlaku kesilapan dalam pelaksanaan tugas dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan jabatan kerajaan.
- 3.6 Jabatan disaran memanfaatkan penggunaan kemudahan ICT yang disediakan melalui jalinan rangkaian jalur lebar kerajaan Negeri dengan bandwidth 550mbps dengan pertambahan 10% setiap tahun bagi tujuan membina keupayaan, menambah nilai, dan memperkasa organisasi, serta perkhidmatan masing-masing. Selain itu, perluasan penggunaan ICT dapat menyediakan perkhidmatan yang pantas dan terkini kepada pelanggan membolehkan mereka mempunyai akses secara terus kepada perkhidmatan dan prestasi jabatan tanpa batasan.
- 3.7 Justeru, inovasi dan kreativiti hendaklah sentiasa menjadi budaya kerja semua jabatan agar usaha-usaha memperkasa penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan kos yang minima. Jabatan juga akan dapat mengurangkan kos pengurusan sekiranya memanfaatkan sepenuhnya penggunaan ICT dengan meneruskan hebahan dan promosi kutipan hasil negeri melalui bayaran secara atas talian.
- 3.8 Terkini sistem bayaran tanpa tunai telah diperkenalkan melalui sistem *e-wallet* dengan kerjasama *Boost* dan dijangkakan siste *e-wallet* ini akan diperluaskan lagi dengan peneraju *e-wallet* lain lain.

4.0 PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 4.1 Bagi tahun Belanjawan 2021 penyediaan cadangan Perbelanjaan Mengurus adalah berasaskan kepada tatacara yang terkandung di dalam Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS). Pegawai Pengawal juga diminta menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus yang mengambil kira keperluan sebenar dan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:
 - 4.1.1 Memastikan pematuhan kepada langkah-langkah dan pengawalan perbelanjaan seperti ketetapan di dalam Pekeliling Perpendaharaan, Surat Pekeliling Bil 2 Tahun 2013 dan Pekeliling Perpendaharaan Negeri Kedah Bil. 1 Tahun 2020 dan lain-lain surat pekeliling kewangan negeri yang berkuatkuasa.

- 4.1.2 Semua program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun semula berdasarkan keutamaan semasa dalam melaksanakan “*core business*” fungsi jabatan;
- i) Memastikan peruntukan emolumen kakitangan tetap disediakan berdasarkan perjawatan yang diisi dan kosong mengikut format di **Lampiran A**;
 - ii) Memastikan semua perbelanjaan yang mempunyai kontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
 - iii) Memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya termasuk bagi pegawai sementara/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000. Pengiraan peruntukan emolumen bagi pegawai sementara / kontrak (lantikan baru/sambung kontrak) hendaklah mengambil kira potongan Perkeso;
 - iv) Penyelenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan, kenderaan dan kelengkapan yang dapat mengurangkan kos di masa hadapan hendaklah diberi keutamaan.
- 4.2 Sebagaimana tahun-tahun lalu, jumlah bagi cadangan batas perbelanjaan yang ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri adalah merangkumi **Dasar Sedia Ada, Dasar Baru** dan ‘*One-Off*’. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan permohonan cadangan anggaran perbelanjaan oleh Jabatan-Jabatan Negeri hendaklah tidak boleh melebihi daripada jumlah cadangan batas perbelanjaan yang akan ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.
- 4.3 Pegawai Pengawal hendaklah memberi tumpuan kepada meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan. Sehubungan itu, **bagi setiap permohonan Dasar Baru hendaklah dikemukakan cadangan dasar penjimatan daripada Dasar Sedia Ada. Cadangan dasar penjimatan hendaklah menggunakan Borang ABM 6.**
- 4.4 Pegawai Pengawal juga hendaklah memperluaskan penggunaan teknologi ICT bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang cepat dan berkesan. Jabatan-Jabatan Negeri hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada jumlah batas cadangan perbelanjaan yang ada.

- 4.5 Walaupun cadangan batas perbelanjaan telah merangkumi Dasar Baru dan 'One-Off', Pegawai Pengawal perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut.
- 4.6 **Formula pengiraan Batas Perbelanjaan (ET) bagi tahun 2021 adalah seperti berikut :-**
- Batas Perbelanjaan 2021 = Dasar Sedia Ada 2020 + [Dasar Baru 2020 - Peruntukan Aset] - Dasar Baru 2020 yang tidak dilaksanakan + jumlah kenaikan gaji tahunan 2021.
- a) Peruntukan Badan Berkanun hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan Dasar Sedia Ada Jabatan.
- 4.7 Semua jabatan dikehendaki menyediakan bajet masing-masing berpandukan formula pengiraan Batas Perbelanjaan 2021 seperti di atas. Pematuhan kepada Batas Perbelanjaan tersebut adalah dimestikan dan tiada pengecualian yang akan diberikan.
- 4.8 Pegawai Pengawal hendaklah mengagihkan jumlah Batas Perbelanjaan yang diperuntukan di antara aktiviti-aktiviti dan di antara objek-objek am perbelanjaan bagi memenuhi keperluan jabatan masing-masing.
- 4.9 Dalam mengemukakan cadangan perbelanjaan Dasar Baru dan 'One-Off' (melalui Format ABM 4, ABM 5 dan ABM 6), Pegawai Pengawal diminta memastikan cadangan Dasar Baru atau 'One-Off' merupakan perbelanjaan yang benar-benar perlu untuk tahun 2021 yang diyakini dapat mengurangkan masalah atau meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan.
- 4.10 Sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan, pengeciran skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses, cadangan penjimatan Batas Dasar Sedia Ada hendaklah dikemukakan dalam Borang ABM 6.

5.0 PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN 2020

- 5.1 Bagi Perbelanjaan Mengurus, cadangan perbelanjaan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Format ABM 7 (Perbelanjaan mengikut objek sebagai)**.
- 5.2 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus hendaklah disediakan dalam DUA (2) NASKAH mengikut format yang ditetapkan. 'Softcopy' cadangan anggaran perbelanjaan mengurus hendaklah email kepada belanjawankedah@kedah.gov.my

- 5.4 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021 dengan menggunakan format yang ditetapkan di atas hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah tidak lewat pada **31 MEI 2020 (Ahad)**.
- 5.5 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Cadangan Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan adalah **MUKTAMAD**. Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri **AKAN MENOLAK** sebarang pindaan atau penambahan ke atas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut.

6.0 PEMERIKSAAN BELANJAWAN TAHUN 2021

- 6.1 Bagi Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, pegawai pengawal hendaklah menyediakan cadangan perbelanjaan secara terperinci mengikut kod objek sebagai seperti **LAMPIRAN B**.

7.0 PENUTUP


- 7.1 Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat dan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan) atau Ketua Unit Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah Darul Aman.
- 7.2 Pekeliling dan senarai Lampiran boleh dimuat turun di laman sesawang <http://ppnk.kedah.gov.my>

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.

Tarikh : **08 APR 2020**

s.k : Yang Berhormat
Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Bendahari Negeri Kedah Darul Aman
Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman